

Tiga bulan kenal pasti pengganti Zeti

Pengganti Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, akan dikenal pasti dalam tempoh tiga bulan sebelum pelantikan baharu dibuat.

Zeti berkata, bank pusat mempunyai pelan penggantian gabenor yang membabitkan lima peringkat, bermula daripada gabenor diikuti timbalan gabenor, penolong gabenor, ketua jabatan dan timbalan masing-masing.

“Jawatankuasa tadbir urus BNM akan mengkaji kelayakan calon berdasarkan kriteria yang terdapat pada Akta Bank Negara Malaysia 2009 yang mana gabenor memerlukan latar belakang dan kelayakan tertentu,” katanya ketika ditanya mengenai penggantinya selepas persaraan beliau.

Zeti dilantik menjadi Gabenor BNM pada Mei 2000 dan tempoh perkhidmatan terma semasa beliau dijadualkan berakhir April tahun depan.